

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

05 FEB 2017



AHAD

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	PENEMUAN FAKTA BAHARU	2
SINAR HARIAN	APRESIASI TERHADAP MASYARAKAT SABAH	3
BERITA HARIAN	PASAR MUAFAKAT SABAH@JOHOR DI PASIR GUDANG	4
UTUSAN MALAYSIA	JOHOR LETAK HARAPAN PULAU BATU PUTEH MILIK NEGARA	5
THE STAR	JOHOR SEEKS CLEAR RULES ON HIRING OF FOREIGNERS	6
NEW STRAITS TIME	JOHOR HOPES DOCUMENTD BACK REVISIONOF RULING	7



# SINAR HARIAN

## Penemuan fakta baharu

S+ 5/2/17

NORSHIKIN MOHD SALLEH

**JOHOR BAHRU** - Kerajaan Johor berharap Pulau Batu Puteh yang menjadi perikatan antara Malaysia dan Singapura kembali menjadi milik negara susulan penemuan fakta baharu oleh Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

Menyertai acara majlis pecah tanah Pasar Muafakat Sabah@Johor di Bandar Seri Alam, semalam, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya menyambut baik langkah kerajaan memfailkan permohonan semakan berhubung keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dalam kes tuntutan bertindih ke atas pulau berkenaan.

"Kita mengalui alutan lebih-lebih lagi saya baca dalam akhbar apabila pihak Peguam Negara menyatakan kerajaan British mendedahkan laporan beberapa dokumen mengenai penemuan perkara baharu yang boleh mengukuhkan tuntutan Malaysia ke atas Pulau Batu Puteh.

"Kita sokong usaha yang dilakukan oleh Peguam Negara dan kita berharap akan berjaya menuntut semula Pulau Batu Puteh," kata-nya selepas merasmikan majlis pe-

cah tanah Pasar Muafakat Sabah@Johor di Bandar Seri Alam, di sini, semalam.

Kelmanin, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali memaklumkan permohonan semakan telah difaikkan kelmarin di ICJ yang terletak di The Hague, Belanda iaitu setahun sebelum tamat tempoh untuk berburu demikian.

Permohonan dibuat Malaysia selepas penemuan fakta baharu yang boleh memberi kesan terhadap keputusan sebelum ini dan fakta berkenaan tidak diketahui oleh mahkamah atau kerajaan Malaysia ketika membuat tuntutan tersebut.


Pada 23 Mei 2008, ICJ dalam keputusan majoriti 12-4 memutuskan Pulau Batu Puteh yang menjadi perikatan antara Malaysia dan Singapura sejak 1980 adalah milik Singapura.

Panel terbitar turut memutuskan Batuan Tengah (Middle Rocks) diberi kedaulatan dan menjadi milik Malaysia sementara Tubir Selatan (South Ledge) pula tertakuk kepada wilayah perairan di mana pulau itu terletak.

Johor harap Pulau Batu Puteh kembali jadi milik Malaysia



Mohamed Khaled merasmikan majlis pecah tanah Pasar Muafakat Sabah@Johor di Bandar Seri Alam, di sini, semalam.



# SINAR HARIAN

SH 572/17

## Apresiasi terhadap masyarakat Sabah

**PASIR GUDANG** - Pasar Muafakat Sabah@Johor akan menjadi ikon apresiasi kerajaan negeri kepada masyarakat Sabah di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pembinaannya dijangka dapat meningkatkan sosio-ekonomi setempat, sekali gus mendukung Gagasan Johor Berkemajuan bagi mewujudkan keseimbangan dalam pembangunan di negeri ini.

"Penghijrahan masyarakat dari Borneo dilihat menjadi satu trend yang positif akhirnya membawa keuntungan dari segenap segi buat negeri ini.

"Di samping itu, kerajaan negeri juga melantik Ketua Masyarakat Sabah yang dilihat penting sebagai perantara

rujukan semua rakyat Sabah bagi menjaga kebaikan masyarakat tersebut dari aspek pendidikan, keagamaan dan adat tradisi," katanya selepas merasmikan majlis pecah tanah Pasar Muafakat Sabah@Johor di Bandar Seri Alam, di sini, semalam.

Projek pembinaan pasar berkeluasan 19,139 kaki persegi di Bandar Seri Alam yang akan dibangunkan Mac depan dengan kos RM1.5 juta itu mempunyai 40 unit gerai, pejabat urusan, pentas, bilik solat, ruang legar dan tandas.


"Pasar Muafakat Sabah@Johor ini adalah usaha untuk menambah pendapatan individu, keluarga dan masyarakat sekitar bagi mewujudkan ekono-

mi yang lebih kondusif dan rancak.

"Pelbagai aktiviti boleh dilakukan di sini yang tidak hanya fokus kepada aktiviti jual-beli sahaja, tetapi memberi manfaat sampingan kepada semua," katanya.

Dianggarkan, seramai 20,000 masyarakat Sabah berada di Pasir Gudang bermula dari tahun 80-an yang kini telah bermastautin sehingga mewujudkan generasi kedua dan ketiga sehingga ada di antara mereka berkahwin dan memiliki anak kelahiran Johor.

Sementara itu, Ibrahim Taib, 39, telah dilantik menjadi Ketua Masyarakat Sabah yang pertama atas persetujuan semua Jawatankuasa Persatuan Suluk Bersatu Sabah.



# BERITA HARIAN

## Pasar Muafakat Sabah@Johor di Pasir Gudang

BH 5/2/2017

**Pasir Gudang:** Johor memperuntukkan RM1.5 juta bagi kos pembinaan Pasar Muafakat Sabah@Johor bagi memberi peluang masyarakat Sabah yang tinggal di negeri ini berniaga di lokasi khas.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata terdapat kira-kira 20,000 masyarakat Sabah di negeri ini termasuk kira-kira 13,000 orang yang menetap di Pasir Gudang.

Pada masa sama ia datang kali pertama, pihaknya juga melantik seorang Ketua Masyarakat Sabah di Johor bagi memastikan kebajikan masyarakat Sabah di negeri ini sentiasa terjaga.

### Terima kehadiran

"Sebelum ini kita ada Pasar Borneo di Taman Megah, dekat sini, untuk orang Sarawak dan selari dengan usaha ini, memang wajar untuk orang Sabah yang mahu berniaga mempunyai pasar sendiri."

"Selain itu, usaha ini menunjukkan kita menerima kehadiran mereka dan

Fakta nomor

**RM1.5 JUTA**  
kos Pasar Muafakat  
Sabah@Johor

**40 UNIT**

gerai, tempoh  
pembinaan  
kira-kira 8 bulan

memastikan mereka tidak menyalahi undang-undang dengan menyediakan tempat bersesuaian berniaga yang turut menjadi satu tarikan kepada orang lain," katanya pada sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Pasar Muafakat Sabah@Johor dan Penyerahan Watikah Pelantikan Ketua Masyarakat Sabah, di Bandar Seri Alam, di sini semalam.


Yang turut hadir, Pegawai Daerah Johor Bahru, Muhammad Fuad Radzuan dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim.

Pasar itu akan memenapkan 40 unit gerai termasuk pelbagai kemudahan awam dan projek pembinaan dijangka bermula bulan depan dengan tempoh pembinaan mengambil masa kira-kira lapan bulan.

Mohamed Khaled berkata, pihaknya memahami kehendak dan keperluan masyarakat Sabah di negeri ini yang turut memberi sumbang kepada sosioekonomi negeri.



**Mohamed Khaled (dua dari kiri)** mendatangi plak perasmian sambil diperhatikan Muhamad Fuad (kiri) pada majlis Pecah Tanah Pasar Muafakat Sabah@Johor di Pasir Gudang, semalam.



# UTUSAN MALAYSIA

## Johor letak harapan Pulau Batu Puteh milik negara

UAM - UAM 5/2/2017

**JOHOR BAHRU** 4 Feb. - Kerajaan negeri tetap meletakkan harapan Pulau Batu Puteh yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura kembali menjadi milik negara berikut penemuan fakta baharu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya menyambut baik langkah kerajaan memfaikan permohonan semakan berkaitan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dalam kes tunutan bertindih ke atas pulau berkenaan.

"Kita mengalu-alukan, lebih-lebih lagi saya baca dalam akhbar pihak Peguam Negara menyatakan apabila kerajaan British *declassified* (mendedahkan laporan) beberapa dokumen, ada penemuan perkara baharu yang boleh mengukuhkan tuntutan Malaysia ke atas Pulau Batu Puteh."

"Kita menyokonglah usaha yang dilakukan oleh Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali. Memanglah kita berharap akan berjaya (menuntut semula Pulau Batu Puteh)," katanya mengulang kenyataan Peguam Negara bahawa kerajaan sudah memfaikan permohonan semakan sejurus keputusan berkaitan Pulau Batu Puteh di ICJ di The Hague, Belanda kemarin, lalu setahun sebelum tamat tempoh untuk membuat demikian.

Mohamed Khaled berkata demikian selepas merasmikan majlis pecah tanah Pasar Muafakat Sabah@Johor di Bandar Seri Alam di sini hari ini.


Akhbar hari ini melaporkan permohonan itu dibuat oleh Malaysia selepas penemuan fakta baharu yang boleh memberi kesan terhadap keputusan sebelum ini iaitu fakta yang tidak diketahui oleh mahkamah mahupun kerajaan Malaysia ketika membuat tuntutan tersebut.

Kita mengalu-alukan, lebih-lebih lagi saya baca dalam akhbar pihak Peguam Negara menyatakan apabila kerajaan British *declassified* (mendedahkan laporan) beberapa dokumen."

**MOHAMED KHALED NORDIN**  
Menteri Besar



MOHAMED KHALED NORDIN menurunkan tandatangan sambil diperhatikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Hasrin Kamal Hashim (dua dari kanan) pada majlis pecah tanah Pasar Muafakat Sabah@Johor di Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, Johor semalam. - MINGGUAN/RAJA JAAFAR ALI



# THE STAR

12 Nation

SUNDAY STAR, 5 FEBRUARY 2017

## Johor seeks clear rules on hiring of foreigners

**PASIR GUDANG:** Johor wants the Federal Government to come up with clear guidelines and policies on hiring foreigners to work in the manufacturing sector.

Mentri Besar Datuk Mohamed Khaled Nordin said that this would ensure employers did not favour foreigners when there were locals available for the jobs.

"I have said this before, Johor is not against the Federal Government's decision to bring in foreign workers as long as they do not create socio-economic problems," he said at the ground-breaking ceremony of the RM1.5mil Pasar Muafakat Sabah@Johor, a market dedicated for Sabahans at Jalan Suria 66, Bandar Seri Alam here.

He was asked to comment on the decision by Putrajaya to allow the first

batch of 300 Rohingya refugees, who are United Nations High Commission for Refugees card holders, to work in Malaysia. They can now work legally in the plantation and manufacturing sectors from next month.

"While we admit that Malaysians are not keen to work in the manufacturing sector, there are many Sabahans working in factories in Pasir Gudang," said Mohamed Khaled yesterday.

He said unlike Bangladeshi workers who will return to their homeland after their work permit expired, Sabahans in Johor have made Johor their home state.

Mohamed Khaled said there were about 20,000 Sabahans in the state with 13,000 of them in Pasir Gudang alone due to the high concentration of manufacturing companies offering


job opportunities here.

"They have stayed in Pasir Gudang for the past 10 to 15 years, their children were born and raised here and they (the children) are Johoreans and they are supporters of the JDT football team and not Sabah team," he said.

Mohamed Khaled said Sabahans had also contributed to the economic growth in Johor in manufacturing companies and heavy industries.

He said Johor would continue to attract more capital-intensive and hi-tech investments as part of its strategy to reduce dependency on foreign workers and its quest to become an economic power house in the region.

"We want to produce more skilled and semi-skilled workers made up not only of Johoreans but also Malaysians from other parts of the country," he said.



# NEW STRAITS TIME



Johor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (second from left) at the groundbreaking of Muafakat Sabah@Johor market in Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, yesterday. PIC BY MOHD AZREN JAMALUDIN

## Johor hopes documents back revision of ruling

**JOHOR BARU:** The state government has expressed hope that the three documents, which were recently declassified by the United Kingdom, will provide new evidence to support Malaysia's application for a revision of an International Court of Justice (ICJ) ruling on the sovereignty of Pulau Batu Puteh, or Pedra Branca.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said the state government welcomed the attorney-general's move to cite the three documents to support Malaysia's application for the revision of the ICJ ruling.

"I was informed that the British government had declassified several documents that might contain evidence to support our claim on Pulau Batu Puteh," said Khaled.

He said he hoped the documents, which were discovered at the UK National Archives between Aug 4 last

year and Jan 30 this year, would help produce a positive outcome for Malaysia's application.

He said this after the groundbreaking ceremony of the Muafakat Sabah@Johor market in Bandar Seri Alam in Pasir Gudang here.

On Friday, Attorney-General Tan Sri Mohamed Apandi Ali said Malaysia had filed an application for a revision of the ICJ's judgement on the sovereignty of the disputed Pulau Batu Puteh also known as Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge.

Apandi said the application, which was filed at the ICJ in The Hague, the Netherlands, was made by Malaysia upon the discovery of a fact, of such a nature as to be a decisive factor, which was unknown to the court and also to Malaysia, as the party claiming revision.

